

- 1 Pernyataan berikut berkaitan subbidang perakaunan.

Skop kerja

Menyediakan maklumat perakaunan kepada pengguna dalaman bagi memudahkan sesuatu perancangan dan keputusan dibuat dalam perniagaan.

Apakah subbidang tersebut?

- A Percukaian
 - B Pengauditan
 - C Perakaunan Kewangan
 - D Perakaunan Pengurusan
- 2 Manakah yang **bukan** Kod Etika Akauntan Profesional?
- A Kredibiliti
 - B Objektiviti
 - C Kerahsiaan
 - D Sifat Profesional
- 3 Pemilik perniagaan telah merekodkan ambilan barang niaga dalam buku perniagaannya. Nyatakan andaian perakaunan yang diamalkannya?
- A Ketekalan
 - B Prinsip Kos
 - C Entiti Berasingan
 - D Wang Sebagai Ukuran
- 4 Kedai Bunga Cik Mar menyediakan penyata kewangan bagi setiap 6 bulan. Manakah yang benar tentang tempoh perakaunan Kedai Bunga Cik Mar?
- A 1 Mac 2025 hingga 1 Ogos 2025
 - B 1 Mac 2025 hingga 31 Ogos 2025
 - C 1 Mac 2025 hingga 1 September 2025
 - D 1 Mac 2025 hingga 30 September 2025

- 5 Kedai Cetak Azam membeli sebuah mesin cetak pada harga RM1 200. Pada akhir tempoh perakaunan, harga pasaran mesin tersebut ialah RM800. Walau bagaimanapun, mesin itu masih direkodkan pada harga belian dalam rekod perakaunan perniagaan.

Apakah prinsip perakaunan yang dipatuhi oleh perniagaan tersebut?

- A Ketekalan
- B Prinsip kos
- C Entiti berasingan
- D Pengiktirafan hasil dan belanja

- 6 Maklumat berikut merupakan ciri-ciri suatu entiti perniagaan.

- Liabiliti terhad
- Modal besar
- Sebarang keputusan perniagaan dibuat dalam mesyuarat agung tahunan (AGM)

Antara berikut, entiti perniagaan manakah yang menepati ciri-ciri di atas?

- I Koperasi Teguh
 - II Lina Co Bhd
 - III Shilea Trading
 - IV R&R Peguambela dan Peguamcara
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 7 Pemilik perniagaan telah mengambil wang tunai sebanyak RM300 daripada pejabat untuk membayar yuran sekolah anaknya.

Manakah menunjukkan kesan urus niaga dalam persamaan perakaunan?

- A Aset berkurang, Ekuiti Pemilik berkurang.
- B Aset berkurang, Ekuiti Pemilik bertambah.
- C Aset bertambah, Ekuiti Pemilik bertambah.
- D Aset bertambah, Ekuiti Pemilik berkurang.



8

Sebuah perniagaan mempunyai Aset bernilai RM12 000 dan Liabiliti RM5 000. Pemilik membawa masuk tunai RM2 000 sebagai modal tambahan.

Apakah kesan urus niaga terhadap persamaan perakaunan?

	Aset	Liabiliti	Ekuiti
A	RM14 000	RM7 000	RM7 000
B	RM12 000	RM10 000	RM2 000
C	RM10 000	RM5 000	RM5 000
D	RM14 000	RM5 000	RM9 000

9 Apakah tujuan utama penyediaan Carta Akaun dalam sesebuah perniagaan, terutamanya bagi sistem perkomputeran?

- A** Memudahkan imbangan duga disediakan dengan seimbang.
- B** Memastikan baki akaun modal sentiasa melebihi baki akaun ambilan.
- C** Untung kasar dan untung bersih perniagaan dapat dikira secara automatik.
- D** Semua akaun dapat disusun secara sistematik bagi memudahkan perekodan.

10 AZ Food Enterprise membeli barang secara kredit daripada Pemborong Frozen Food.

Aliran dokumen perniagaan manakah yang berlaku bagi urus niaga tersebut?

- A** Pesanan Belian → Cek → Invois → Nota Kredit → Resit
- B** Pesanan Belian → Invois → Nota Kredit → Cek → Resit
- C** Pesanan Belian → Nota Kredit → Invois → Cek → Resit
- D** Pesanan Belian → Nota Kredit → Cek → Invois → Resit

11 Pada 15 Jun 2026, Encik Neo membeli barang berharga RM1 800 secara kredit dengan syarat pembayaran 10% 5 hari, 5% 10 hari.

Berapakah jumlah hutang yang perlu dibayar pada 20 Jun 2026?

- A** RM1 530
- B** RM1 620
- C** RM1 710
- D** RM1 800

- 12 Berikut merupakan pernyataan urus niaga yang berlaku di Kedai Runcit Qaseh pada bulan Mei.

Urus niaga manakah yang akan direkodkan dalam Jurnal Am?

- A Mengambil wang tunai RM500 untuk membayar yuran anak.
- B Membawa masuk kenderaan sebagai modal tambahan.
- C Menjual barang niaga RM600 kepada pelanggan.
- D Membeli komputer RM5 000 dengan cek.

- 13 Berikut adalah dokumen yang dihantar oleh ZS Enterprise kepada Kedai Sukan Chiew.

SALINAN	NOTA DEBIT ZS ENTERPRISE NO 42, Jalan Bendahara, 36000 Teluk Intan, Perak.	ND 2121
Kepada: Kedai Sukan Chiew, 4, Jalan Mahajarela, 06550 Jitra, Kedah.	Tarikh: 12/1/2026	
No Rujukan	Butir	Jumlah (RM)
Invois A6767	Harga Raket Badminton YY terkurang caj RM80 sebuah. (5 x RM80 = RM400)	400.00
Tolak: Diskaun niaga 20%		80.00
JUMLAH		320.00
(Ringgit Malaysia: Tiga Ratus Dua Puluh Sahaja)		
Fatimah Pengurus		

Apakah buku catatan pertama yang perlu direkod dalam buku perniagaan ZS Enterprise?

- A Jurnal Jualan
- B Jurnal Belian
- C Jurnal Pulangan Jualan
- D Jurnal Pulangan Belian

14 Maklumat berikut berkaitan dengan Kedai Alat Tulis Td.

Pada 20 Jun 2026, Kedai Alat Tulis Td menerima cek RM6 000 daripada Store Haziq yang menjelaskan hutangnya sebanyak RM6 300.

Catatan dalam Buku Tunai yang manakah betul?

A

Dt					Buku Tunai					Kt	
Tarikh	Butir	Disk	Tunai	Bank	Tarikh	Butir	Disk	Tunai	Bank		
2026			RM	RM	2026			RM	RM		
Jun 20	Store Haziq	300		6 000							

B

Dt					Buku Tunai					Kt	
Tarikh	Butir	Disk	Tunai	Bank	Tarikh	Butir	Disk	Tunai	Bank		
2026			RM	RM	2026			RM	RM		
Jun 20	Store Haziq			6 300							

C

Dt					Buku Tunai					Kt	
Tarikh	Butir	Disk	Tunai	Bank	Tarikh	Butir	Disk	Tunai	Bank		
2026			RM	RM	2026			RM	RM		
					Jun 20	Store Haziq	300		6 000		

D

Dt					Buku Tunai					Kt	
Tarikh	Butir	Disk	Tunai	Bank	Tarikh	Butir	Disk	Tunai	Bank		
2026			RM	RM	2026			RM	RM		
					Jun 20	Store Haziq			6 300		

- 15 Maklumat berikut diperoleh daripada Buku Tunai Runcit Kedai Kasut Lee pada 31 Mei 2026.

	RM
Baki 1 Mei 2026	45
Penerimaan daripada ketua juruwang	100
Jumlah pembayaran	90

Berapakah nilai panjar runcit yang diperuntukkan pada setiap awal bulan?

- A RM45
B RM55
C RM100
D RM145
- 16 Jeff menghantar invois bernilai RM1 200 kepada En. Darrel.

Apakah catatan bergu bagi urus niaga di atas?

	Debit	Kredit
A	Belian	Akaun Belum Bayar
B	Jualan	Akaun Belum Terima
C	Akaun Belum Bayar	Belian
D	Akaun Belum Terima	Jualan

- 17 Akaun Kawalan Belum Terima berikut diperoleh daripada buku perniagaan Kedai Runcit Saripdol.

Akaun Kawalan Belum Terima					
2026			RM	2026	
Mei 1	Baki b/b		10 890	Mei 1	Bank
	Bank		3 000		
	Diskaun		30		Diskaun
					Baki h/b
			<u>13 920</u>		<u>10890</u>

Apakah pernyataan yang menjelaskan urus niaga bank RM3 000 di sebelah debit?

- A Pelanggan menjelaskan hutang RM3 000 melalui cek.
B Perniagaan membeli barang niaga dengan cek RM3 000.
C Cek bernilai RM3 000 tidak berjaya dikreditkan ke akaun bank.
D Perniagaan membayar hutang kepada pembekal RM3 000 melalui cek.

- 18 Baki akhir Akaun Kawalan Belum bayar pada 30 Jun 2026 ialah RM56 874.

Apakah maksud baki tersebut?

- A Belian secara kredit
- B Hutang kepada pembekal
- C Bayaran kepada pembekal
- D Penerimaan daripada pembekal

- 19 Apakah kesan ke atas kos jualan dan untung kasar sekiranya nilai inventori adalah tinggi?

	Kos Jualan	Untung Kasar
A	Tinggi	Rendah
B	Rendah	Rendah
C	Tinggi	Tinggi
D	Rendah	Tinggi

- 20 Manakah yang **tidak** berkaitan dengan pelarasan pada tarikh imbalan?

- A Akaun kontra
- B Akaun nominal
- C Susut nilai terkumpul
- D Peruntukan hutang ragu

- 21 Berikut merupakan petikan imbalan duga Kedai Deco Aztec milik Encik Tony.

Kedai Deco Aztec

Imbalan Duga pada 31 Disember 2025

	RM	RM
Kadar bayaran	421	

Maklumat tambahan:

Kadar bayaran yang masih belum dibayar ialah sebanyak RM63.

Berapakah jumlah kadar bayaran yang akan dicatat dalam Akaun Untung Rugi sekiranya Encik Tony mengamalkan perakaunan asas akruan?

- A RM63
- B RM358
- C RM421
- D RM484

- 22 Maklumat berikut diperolehi daripada Kedai Burger Cikyo bagi tahun berakhir 31 Disember 2025.

Sewa setahun : RM5 400

Tarikh mula sewa : 1 April 2025

Berapakah nilai sewa yang perlu direkod dalam Penyata Kedudukan Kewangan?

- A Sewa prabayar RM1 350
 - B Sewa prabayar RM4 050
 - C Sewa belum bayar RM1 350
 - D Sewa belum bayar RM4 050
- 23 Pilih pernyataan yang betul berkaitan dengan hutang lapuk.
- A Merupakan hasil bagi perniagaan.
 - B Hutang yang dapat dikutip semula.
 - C Didebitkan ke dalam Akaun Untung Rugi.
 - D Menambahkan jumlah Akaun Belum Terima.
- 24 Urus niaga manakah menunjukkan pelupusan aset bukan semasa bagi Kedai Perabot Yan?
- A Belian set meja makan secara hutang.
 - B Jualan kenderaan terpakai dan menerima cek.
 - C Menjual almari kepada Encik Kamal secara tunai.
 - D Ambillah komputer lama untuk kegunaan peribadi.
- 25 Antara berikut, yang manakah merupakan kesilapan tidak ketara?
- I Kesilapan saling mengimbangi
 - II Kesilapan ketinggaan satu urus niaga
 - III Kesilapan ketinggalan salah satu catatan
 - IV Kesilapan perekodan amaun di bahagian yang sama
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV



- 26 Belian tunai RM450 telah direkodkan dengan betul di dalam Buku Tunai tetapi salah di dalam Akaun Belian sebagai RM540.

Apakah kesan daripada kesilapan tersebut?

- A Akaun Belian berkurang catat RM90.
- B Akaun Tunai berkurang catat RM90.
- C Akaun Belian terlebih catat RM90.
- D Akaun Tunai terlebih catat RM90.

- 27 Berikut adalah urus niaga yang telah direkodkan oleh Kedai Buku Hasan yang menjual barang niaga RM6 460 secara kredit kepada SMK Tanjung Katong.

Debit	Kredit
Jualan RM6 460	SMK Tanjung Katong RM6 460

Manakah catatan yang tepat setelah pembetulan kesilapan dilakukan dalam Jurnal Am?

	Butir	Debit (RM)	Kredit (RM)
A	Jualan	12 920	
	SMK Tanjung Katong		12 920
B	SMK Tajong Katong	12 920	
	Jualan		12 920
C	Jualan	6 460	
	SMK Tanjung Katong		6 460
D	SMK Tanjung Katong	6 460	
	Jualan		6 460

- 28 Rumus manakah yang betul?

- A $\text{Inventori Purata} = \frac{\text{Inventori Awal} - \text{Inventori Akhir}}{2}$
- B $\text{Nisbah Ujian Asid} = \frac{\text{Liabiliti Semasa} - \text{Inventori Akhir}}{\text{Aset Semasa}}$
- C $\text{Nisbah Semasa} = \frac{\text{Aset Semasa}}{\text{Liabiliti Semasa}}$
- D $\text{Kadar Pusing Ganti Inventori} = \frac{\text{Jualan}}{\text{Inventori Purata}}$

- 29 Maklumat berikut diperolehi daripada buku Perniagaan Kedai Syakilla bagi tahun berakhir 31 Disember 2025.

	RM
Inventori Awal	8 400
Inventori Akhir	12 160
Belian	17 340
Jualan	23 790
Untung Kasar	10 210

Berapakah peratus untung kasar atas kos jualan?

- A 42.92%
B 66.05%
C 75.18%
D 133.01%
- 30 Berikut adalah dapatan analisis bagi dua buah perniagaan dalam industri yang sama.

Nisbah	Wafi Trading	Sarah Trading
Tempoh kutipan hutang	35 hari	53 hari
Kadar pusing ganti inventori	4 kali	9 kali

Pilih tafsiran dapatan analisis yang betul.

- I Wafi Trading mengutip hutang lebih baik berbanding Sarah Trading.
II Sarah Trading mengutip hutang lebih baik berbanding Wafi Trading.
III Wafi Trading mengurus inventori lebih baik berbanding Sarah Trading.
IV Sarah Trading mengurus inventori lebih baik berbanding Wafi Trading.
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV
- 31 Item manakah yang mengurangkan nilai ekuiti pemilik?
- A Hasil
B Rugi bersih
C Modal awal
D Modal tambahan



- 32 Berikut merupakan maklumat yang diperoleh daripada Encik Fathi.

	1 Januari 2025	31 Disember 2025
	RM	RM
Akaun Belum Terima	4 300	8 800
Maklumat tambahan:		
(i)	Pulangan masuk RM300	
(ii)	Penerimaan daripada Akaun Belum Terima RM6 100	

Berapakah jumlah jualan kredit?

- A RM1 300
 B RM1 900
 C RM10 300
 D RM10 900
- 33 Apakah transaksi dalam Penyata Bank yang menyebabkan baki Buku Tunai berbeza dengan baki Penyata Bank?
- A Pindahan debit
 B Cek yang dibatalkan
 C Cek belum dikemukakan
 D Deposit belum dikreditkan
- 34 Manakah situasi yang menunjukkan prestasi perniagaan Restoran Nazmi adalah memuaskan?

	Situasi	Amaun Sebenar RM	Amaun Dijangka RM
I	Komisen jualan keropok	30 900	40 100
II	Jualan makanan dan minuman	60 700	59 600
III	Kadar bayaran	19 600	19 100
IV	Belian bahan mentah	47 400	48 200

- A I dan II
 B I dan III
 C II dan IV
 D III dan IV

- 35 Petikan akaun realisasi di bawah diambil daripada Perkongsian Naurah Berkat.

Akaun Realisasi

Tarikh	Butir	RM	Tarikh	Butir	RM
			2026 April 30	Akaun Belum Bayar	400

Manakah pernyataan urus niaga pada 30 April 2026?

- A Baki Akaun Belum Bayar belum dijelaskan.
 - B Terima diskaun daripada Akaun Belum Bayar kerana menjelaskan hutang.
 - C Jumlah bayaran kepada Akaun Belum Bayar selepas menolak diskaun tunai.
 - D Jumlah bayaran kepada Akaun Belum Bayar sebelum menolak diskaun diterima.
- 36 Syarikat Luna Maya Berhad bercadang untuk mengagihkan keuntungan kepada pemegang syernya. Keuntungan yang diperoleh Syarikat pada akhir tempoh kewangan ialah RM46 800.

Maklumat diperoleh menunjukkan Syarikat telah menerbitkan 150 000 unit 6% syer keutamaan pada harga RM2.00 sesyer dan 180 000 unit syer biasa pada harga RM1.00 sesyer.

Berapakah kadar peratus dividen syer biasa?

- A 16%
- B 19%
- C 21%
- D 25%

37 Maklumat berikut diperolehi daripada Kelab Cemerlang pada 30 Jun 2026

Butir	RM
Yuran ahli	12 000
Yuran Belum Diterima	500
Yuran Belum Terperoleh	800

Berpakah nilai yuran yang akan dipindahkan ke Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan?

- A RM10 700
- B RM11 700
- C RM12 300
- D RM13 300

38 Manakah pilihan yang benar tentang Dana terkumpul sesebuah kelab?

- I Pendapatan modal akan mengurangkan Dana terkumpul
 - II Lebihan akan menambahkan nilai Dana terkumpul kelab
 - III Dana terkumpul dapat dikira dengan menjumlahkan aset dan liabiliti
 - IV Dana terkumpul kelab adalah sama dengan Ekuiti pemilik milikan tunggal
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D II dan IV



- 39 Maklumat berikut diperolehi daripada sebuah kilang.

Kos Overhead kilang meningkat sebanyak RM8 000
--

Apakah kesan perubahan tersebut terhadap Akaun Pengeluaran?

- A Kos prima akan meningkat
- B Kos jualan akan meningkat
- C Kos pengeluaran akan meningkat
- D Kos bahan mentah akan meningkat

- 40 Maklumat berikut diperolehi daripada Kilang Seroja yang mengeluarkan suatu produk.

Titik pulang modal	1 500 unit
Kos tetap	RM3 000
Kos berubah	RM6

Berapakah untung yang diperolehi jika kilang ini menjual 4 000 unit produknya.

- A RM5 000
- B RM8 000
- C RM11 000
- D RM21 000

KERTAS SOALAN TAMAT